

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH  
KEJOHANAN OLAHRAGA MAJLIS KEBAJIKAN  
DAN SUKAN ANGGOTA-ANGGOTA KERA-  
JAAN MALAYSIA YANG KESEMBILAN BELAS  
DI STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR  
PADA 24HB OGOS, 1975

Yang Berbahagia Dato' Abu Zarim, Pengerusi Jawatankuasa  
Pengelola, Dif-dif terhormat, Para peserta dan Saudara-saudara  
sekalian.

Saya amatlah sukacita dan bangga kerana dapat bersama-sama  
hadir di majlis penutup dan penyampaian hadiah Kejohanan  
Olahraga Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan  
pada petang ini.

Saya suka mengucapkan terimakasih dan penghargaan saya  
serta isteri saya atas penghormatan yang diaturkan di upacara ini.  
Saya juga suka mengucapkan tahniah kepada Lembaga Letrik  
Negara atas kejayaan mereka menganjur dan mengelolakan  
Kejohanan tahun ini.

Di sini suka saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah  
kepada pasukan yang telah berjaya menjadi Johan dan juga  
peserta-peserta lain yang telah memenangi hadiah-hadiah sebentar  
tadi. Kepada mereka yang kurang bernasib baik, janganlah putus  
asa tetapi haruslah menerima kekalahan tersebut dalam suasana  
dan semangat sukan yang tulin, lebih-lebih lagi kerana satu dari-  
pada tujuan kita mengadakan kejohanan ini ialah untuk meneguh-  
kan lagi persefahaman dan perpaduan antara anggota-anggota dan  
kakitangan Kerajaan dari berbagai lapisan dan golongan, Jabatan-  
jabatan dan Negeri-negeri.

Saya harap semua pasukan dan peserta akan terus bergiat  
dalam semua lapangan sukan dan olahraga, supaya dapat kita  
bersama-sama memberi sumbangan yang berkesan bagi meninggi-  
kan lagi mutu dan taraf kesukanan negara. Saya juga berharap

agar dapat kita lahirkan bakat-bakat baru dalam lapangan sukan menerusi kejohanan olahraga Majlis ini yang diadakan tiap-tiap tahun.

Saudara-saudara sekalian,

Saya difahamkan Majlis ini telah menjalankan segala usaha untuk menarik minat orang ramai terutama sekali murid-murid sekolah terhadap perjumpaan-perjumpaan sukan dan olahraga dengan cara mengadakan pertandingan melukis poster serta memberi hadiah-hadiah yang lumayan di samping mengadakan juga "lucky draw" kepada mereka yang bernasib baik yang menghadiri Kejohanan-kejohanan tersebut. Saya harap usaha ini telah pun mendatangkan kesan yang baik.

Saudara-saudara sekalian,

Pada pandangan saya, perkara yang harus diutamakan dalam Kejohanan seumpama ini ialah menarik minat semua golongan kakitangan Kerajaan sama ada yang mengambil bahagian ataupun yang hadir bersama untuk memberi sokongan moral kepada pasukan mereka atau peserta-peserta kejohanan-kejohanan seperti ini baik di peringkat daerah, negeri dan lebih-lebih lagi peringkat Kebangsaan. Kalau Kejohanan Kebangsaan diadakan di Ibu Negara, maka usaha-usaha haruslah dibuat supaya kakitangan Kerajaan dapat melapangkan masa untuk menyaksikan Kejohanan ini.

Saya harap pihak Majlis akan dapat mengadakan acara olahraga bagi beberapa peringkat umur kakitangan supaya dengan demikian akan dapat menggalakkan atau menarik minat semua golongan kakitangan Kerajaan menyertai acara-acara itu. Acara-acara haruslah juga dipadankan untuk kakitangan yang terdiri dari kaum wanita. Dengan jalan ini maka tujuan mengeratkan persefahaman dan perpaduan wanita. Dengan jalan ini maka tujuan mengeratkan persefahaman dan perpaduan di kalangan mereka akan dapat mendatangkan hasil yang lebih berkesan lagi.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka juga merakamkan penghargaan saya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama dan bantuan terhadap Kejohanan ini dan menyokong usaha Kerajaan Pusat menggalak dan meninggikan lagi mutu kesukanan di negara kita.

Saya berasa bangga melihat sebilangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang telah melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan sukan dan olahraga dengan tujuan meninggikan lagi mutu kesukanan kita. Ini adalah satu perkembangan yang sihat yang patut diberi sokongan oleh semua pihak.

Saya sedar bahawa Ketua-ketua Jabatan adalah sibuk dengan urusan rasmi mereka hari-hari tetapi saya yakin tentulah mereka dapat juga melapangkan masa untuk memberi galakan dan pimpinan supaya semangat mengambil bahagian dalam sukan ini akan dapat berkembang secara menyeluruh di semua peringkat dan golongan anggota dan kakitangan Kerajaan. Dengan jalan ini sudah tentu sukan akan benar-benar dapat memainkan peranannya dalam usaha kita membentuk masyarakat yang sihat dan berguna di negara ini.

Saya telah kerap kali tegaskan iaitu pertandingan olahraga dan sukan seperti ini bagi anggota-anggota perkhidmatan awam adalah sangat besar faedahnya kepada mereka. Selain dari memberi peluang kepada mereka yang mengambil bahagian menunjukkan kehandalan dan menambahkan kesihatan badan dan kecergasan mereka, pertandingan ini juga memberi peluang kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk beramah mesra antara satu dengan lain dan dengan itu mengukuhkan semangat "esprit de corps" di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan.

Saya sangat mementingkan "esprit de corps" ini kerana adalah sangat mustahak pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat atas dan juga bawah mempunyai hubungan yang rapat antara satu dengan lain supaya dengan itu mereka dapat bersama-sama membincangkan masalah pekerjaan mereka dan masalah negara dan dengan itu dapat memberi ketuanan yang lebih effective dan berkesan lagi.

Bagi pegawai-pegawai kanan pula, pertandingan yang semacam ini dan pergaulan yang diadakan bersempena dengannya adalah memberi peluang kepada mereka untuk beramah masra dengan pegawai-pegawai berpangkat rendah dan dengan ini dapatlah mereka itu memerhatikan kelayakan dan kecekapan mereka itu serta dengan itu dapat memberi ketuaan yang lebih sempurna lagi.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, sukaiah saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah sama-sama berusaha menjayakan perjumpaan sukan tahun ini serta berharap agar usaha Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan dalam kejohanan-kejohanan yang akan datang akan mencapai hasil yang lebih tinggi lagi.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan upacara penutup Kejohanan Olahraga Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan tahun 1975 ini.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sedang berucap di upacara penutup Perjumpaan Kelab Sukan-sukan Perkhidmatan Kerajaan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 24hb Ogos, 1975